Kawasan Larangan Merokok Mengikut
**PERATURAN-PERATURAN KAWALAN HASIL TEMBAKAU 2004 SUBPERATURAN 11(1) – TEMPAT-TEMPAT DILARANG MEROKOK**

- Pusat hiburan atau teater
- Hospital atau klinik
- Lif dan tandas awam
- Tempat makan atau kedai berhawa dingin
- Kenderaan awam atau hentian pengangkutan awam
- Mana-mana bangunan yang diwartakan di bawah peraturan 22
- Lapangan terbang
- Premis kerajaan
- Kawasan perhimpunan
- Kawasan institusi pendidikan dan institusi pendidikan tinggi
- Kawasan taman asuhan kanak-kanak
- Bas sekolah
- Kaunter perkhidmatan di dalam bangunan
- Kompleks membeli-belah
- Stesen minyak
- Stadium, kompleks sukan, pusat kecergasan atau gimnasium
- Bangunan atau tempat awam yang digunakan untuk tujuan keagamaan
- Perpustakaan
- Kafe internet
- Pusat Latihan Khidmat Negara (PLKN)

***Asap Rokok Menjejaskan Kesihatan & Prestasi Kerja Anda***

***Suarakan Hak Anda Untuk Menikmati Udara Bersih Bebas Daripada Asap Rokok!***

Diterbitkan oleh:
Bahagian Pendidikan Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
www.myhealth.gov.my • www.infosihat.gov.my
BUT. 9, KKM (Cetak/CHS)235/2008, BM 350,000

SIRI TAK NAK MEROKOK

# ASAP ROKOK PASIF

**Infoline Berhenti Merokok 03-8883 4400**

***ASAP ROKOK MENGANCAM ORANG TERSAYANG DI SEKELILING ANDA***



## APA ITU ASAP ROKOK PASIF?

Gabungan asap rokok aliran sisi dari bahagian yang menyala dan asap rokok aliran utama yang dihembus keluar perokok.

## SIAPAKAH PEROKOK PASIF?

Mereka yang tidak merokok tetapi terdedah kepada asap rokok sekurang-kurangnya 15 minit dalam masa dua hari untuk tempoh seminggu (WHO).

Perokok Pasif mempunyai risiko:-

- 30% lebih tinggi mendapat kanser paru-paru.
- 25% lebih tinggi mendapat panyakit jantung.

## PEROKOK PASIF MENGHADAPI RISIKO YANG TINGGI TERDEDAH KEPADA PELBAGAI PENYAKIT

**Wanita**

- Isteri perokok berisiko 30% lebih tinggi untuk mendapat kanser paru-paru.
- Lebih terdedah kepada kanser.
- Kurang kesuburan.
- Putus haid awal.
- Kematian dan keguguran bayi dalam kandungan.
- Kelahiran bayi yang kurang berat badan dan tidak cukup bulan.

**Kanak-kanak**

- Mudah mendapat asma / lelah.
- Risiko mendapat jangkitan paru-paru.
- Pertumbuhan paru-paru terganggu.

**Rakan-rakan**

- Mengalami kesan-kesan seperti batuk-batuk, pedih mata, loya dan pening kepala.
- Sekiranya mereka pesakit jantung, mereka lebih mudah mendapat serangan jantung manakala pesakit asma pula mudah mendapat serangan asma yang teruk.

## TANGGUNGJAWAB ANDA!

JIKA ANDA SEORANG PEROKOK –

- Ambillah langkah untuk berhenti merokok kerana ia memberi kesan buruk kepada keluarga, rakan-rakan dan orang tersayang.
- Pastikan anda tidak merokok di tempat-tempat dilarang merokok. Sekiranya disabitkan kesalahan, anda boleh didenda sehingga RM10,000 atau penjara sehingga dua tahun.
- Jika anda ingin berhenti merokok, dapatkan bantuan daripada Klinik Berhenti Merokok yang terdekat. Hubungi Infoline Berhenti Merokok di talian 03-8883 4400 untuk maklumat lanjut.

JIKA ANDA BUKAN SEORANG PEROKOK –

- Katakan jangan merokok berdekatan anda.
- Suarakan hak anda untuk bebas dari asap rokok.

**AMARAN** Rokok Penyebab



Kanser Mulut



Kelahiran Bayi Pra-matang



Kanser Leher



Penyakit Gangren



Keguguran Janin



Kanser Paru-paru